

Inovasi sukan berbasikal tingkat kualiti hidup

Oleh [Prof Dr Mariyam Jameelah Ghazali](#) - November 25, 2021 @ 11:00am

bhrencana@bh.com.my



Foto hiasan.

SUKAN dan rekreasi berbasikal di negara ini dapat merealisasikan hasrat Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) menangani jumlah pelepasan karbon sektor pengangkutan darat dikatakan menyumbang 20 peratus daripada jumlah kadar pelepasan negara.

Ini selaras Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 dengan Malaysia membuat komitmen mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 45 peratus menjelang 2030.

Oleh itu, beberapa dasar perlu diketengahkan, selain fokus kepada pengangkutan dan mobiliti membabitkan aspek keselamatan jalan raya, pembangunan karbon rendah serta bandar pintar, inovasi dan teknologi.

Kita wajar mengikut langkah Thailand mewujudkan trek laluan basikal bertaraf dunia, Sky Lane sepanjang 23.5 kilometer di sekitar Lapangan Terbang Suvarnabhumi, Bangkok yang tersedia dua lorong berkod warna berbeza mengikut kelajuan penunggang.

Lokasi ini dianggap strategik kerana memberi peluang kepada pengembara udara transit menikmati pemandangan ketika berkayuh sambil singgah di restoran dan kafe.

Ini membuktikan Thailand bukan sahaja berjaya mewujudkan trek mesra basikal, bahkan mengurangkan risiko kemalangan dan membuka lebih banyak peluang perniagaan.

Selain mengukuhkan sektor ekonomi, kualiti kehidupan dapat ditingkatkan. Dari sudut teknologi, banyak manfaat dalam sektor basikal terutama inovasi dan keusahawanan.

Secara teknikalnya, berbasikal antara pengangkutan sihat tetapi tidak semestinya paling selamat. Ini kerana penunggang terdedah kepada risiko 'titik buta' pemandu berkenderaan berat.

Maka, kewujudan teknologi mampu memberi jawapan seperti penggunaan topi keledar pintar, lampu dan pengesan lokasi sistem kedudukan geografi (GPS), sekali gus mencetuskan lagi inovasi baharu.

Pelbagai aplikasi diguna pakai menjadikan aktiviti berbasikal lebih menyeronokkan dan praktikal. Aplikasi mesra pengguna seperti Strava digunakan untuk merancang, menjejaki dan berkongsi semua perjalanan dengan mudah di samping aplikasi cuaca umpamanya Dark Sky.

Begitu juga komponen mekanikal tidak kurang hebatnya. Bagi mereka berkecimpung dalam dunia berbasikal, naik taraf komponen tidak dapat dielakkan seperti dapat dilihat pada kewujudan kedai basikal di Lembah Klang.

Ini membuktikan sektor perniagaan basikal mampu bertahan terutama sepanjang fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ditambah pula kewujudan moratorium dan pasaran semakin meningkat kerana ramai berjinak dengan aktiviti berbasikal.

Komponen penting seperti groupset, set rangka dan tayar kadangkalanya mencecah ribuan ringgit. Evolusi kaset berkelajuan 8 hingga terkini 12, cuma mengambil masa kurang 20 tahun. Ini memaksa pengeluar dan peniaga sentiasa bersiap siaga agar tidak ketinggalan dalam arus inovasi basikal.

Permintaan dalam kerja penyelenggaraan basikal juga kian meningkat. Ada terpaksa menunggu giliran hingga berminggu-minggu bagi mendapatkan sesuatu perkhidmatan.

Oleh itu, keperluan dan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi seperti graduan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) sangat cerah.

Menurut Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), hampir 7,000 usahawan graduan TVET dari 2018 hingga 2020 dihasilkan. Bilangan ini sangat memberangsangkan kerana lahir lebih ramai pencipta kerjaya berfokuskan teknologi dan inovasi.

Pemeriksaan ekosistem antara institusi, industri dan pembuat dasar diperlukan untuk merencanakan pertumbuhan ekonomi. Dengan perubahan teknologi dan pasaran kerja, sukan dan budaya berbasikal mampu memenuhi WKB 2030, terutama meningkatkan kualiti hidup dan mewujudkan persekitaran mampan.

Penolong Dekan Keusahawanan dan Kreativiti, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia